

08 JUL 1999

MSC-IAP

25 ANGGOTA DAN WAKIL IAP HADIRI MESYUARAT KETIGA

CYBERJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Seramai dua puluh lima anggota dan wakil Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) berkumpul bagi mesyuarat tahunan ketiga mereka di sini, hari ini.

Mesyuarat itu akan membuat susulan kepada perkembangan MSC, dalam kedua-dua bahagian pembangunan prasarana besar dan kecil.

Isu-isu yang akan diperbincangkan dalam mesyuarat selama tiga hari itu akan merangkumi daripada bahagian teknologi hinggalah kepada persekitaran kehidupan ideal di Cyberjaya, bandar pintar utama di Malaysia dan pusat nadi MSC.

Perdana Menteri yang juga merangkap pengerusi IAP Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat itu.

IAP yang mempunyai 43 anggota terdiri daripada ketua-ketua dan pakar-pakar industri, dibentuk bertujuan memberi nasihat dan bimbingan kepada kerajaan Malaysia berhubung isu-isu strategik bagi memastikan MSC dapat menyediakan persekitaran multimedia terbaik di dunia.

Mesyuarat rasmi diadakan di Stanford University, California, dua tahun lalu manakala mesyuarat kedua dianjurkan di sini, tahun lalu.

Senarai yang hadir

Anggota-anggota IAP

1. Datuk Dr Stan Shih -- Pengerusi dan CEO, Acer Incorporated.
2. Sir Peter Bonfield -- Ketua Eksekutif, British Telecom.
3. Dr Terry Cutler -- Pengarah, Cutler & Company.
4. Tadashi Sekizawa -- Pengerusi, Fujitsu Limited.
5. Datuk Lewis Platt -- Pengerusi, Presiden dan CEO, Hewlett Packard.
6. Bon-Moo Koo -- Pengerusi, LG Chemicals & LG Electronics.
7. Ben Verwaayen -- Ketua Pegawai Operasi, Lucent Technologies.
8. Robert Madge -- Pengerusi dan CEO, Madge Networks Ltd.
9. Datuk Dr Tadahiro Sekimoto -- Anggota kanan Lembaga Pengarah NEC Corporation.
10. Jun-Ichiro Miyazu -- Presiden, Nippon Telegraph & Telephone Corp.
11. Prof Wang Xuan -- Pengarah, Peking University.
12. Bob Bishop -- Pengerusi, Silicon Graphics World Trade Corporation.

Wakil-wakil IAP

-
13. Manuel Gordillo -- Pengerusi & CEO, Alcatel CIT
 14. Paul Blinkhorn -- Pengarah Urusan Serantau, Compaq Computer Corp.
 15. Edward V. Yang -- Naib-Presiden Kanan Korporat, EDS
 16. David Marsing -- Naib-Presiden Technology and Manufacturing Group, Intel Corporation.
 17. Raphael Tan -- Naib Presiden Asia Pasifik, Lotus Corp (IBM)
 18. Pieter Knook -- Naib Presiden Asia, Microsoft.
 19. Michael V. Connors -- Naib Presiden Kanan Asia Rantau Pasifik, Motion Picture Association.
 20. CD Tam -- Naib Presiden Eksekutif & Presiden Asia Pacific, Motorola.
 21. Kari Ahola -- Naib Presiden Kanan Asia Tenggara Pasifik, Nokia Corporation

22. Derek Williams -- Naib Presiden Kanan Asia Pasifik, Oracle.
 23. Jeremy Penn -- Pengarah Urusan Reuters Asia, Reuters.
 24. Dr Wolfgang Essig -- Presiden Information & Broadband Sales,
Siemens AG.
 25. John Gage -- Ketua Saintis, Sun Microsystems.
- BERNAMA
TM ZK